

## Dua maut kemalangan di Jalan Gerik-Lenggong

11 Disember 2016 7:58 AM

[Like](#) 1 [Share](#) 1 [Tweet](#) 1 [Google +](#) 1



**IPOH 11 Dis. - Dua maut manakala seorang cedera parah apabila kereta jenis Perodua Myvi yang dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori di Jalan Gerik-Lenggong awal pagi ini.**

Jurucakap bomba berkata, mangsa yang maut ialah Keshvinder Singh Jit Singh dan Raj Kaur Uttam Singh manakala seorang lagi mangsa, Savin Kaur mengalami kecederaan parah.

Menurutnya, kemalangan berlaku pada pukul 1.37 pagi apabila kereta yang dinaiki mangsa bertembung dengan sebuah lori 10 tan.

Katanya, pemandu dan kelindan lori berkenaan tidak mengalami kecederaan.

"Kemalangan turut melibatkan sebuah lagi kereta jenis Honda City namun kesemua lima penumpangnya selamat dan hanya mengalami kecederaan ringan," katanya. - UTUSAN ONLINE